



Majlis Perbandaran Kuantan

Jalan Tanah Putih , 25100 KUANTAN.

Pahang Darul Makmur, Malaysia.

Tel: 09-5121555/666 Faks:09-5130644

www.mpk.gov.my



Ruj. Kami : Bil.(45) dlm.MPK/Y:D/T/5-138
Tarikh : 14 November 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan,

PEMAKLUMAN PENGEMUKAAN PERMOHONAN BARU DAN FI BARU BAGI FAIL YANG TELAH TAMAT TEMPOH PEMATUHAN SYARAT 28 HARI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, berdasarkan Manual dan Tatacara Proses Permohonan melalui OSC 3 Plus Online yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sekiranya pemohon gagal memenuhi syarat pinda atas pelan dalam tempoh **28 hari** (2 mesyuarat OSC berturut-turut) permohonan tersebut **tidak diluluskan**.
3. Selain itu, berdasarkan **Seksyen 21(5), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**, 'Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarikbalik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru' dan **Seksyen 70(6), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)** ' Jika pelan yang dipinda itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang dinyatakan itu, atau dalam suatu tempoh yang dilanjutkan, maka pelan itu tidak boleh dipertimbangkan semula dan hendaklah disifatkan sebagai telah ditarikbalik tetapi orang itu boleh mengemukakan pelan dan penentuan baharu'.
4. Sehubungan itu, bagi permohonan yang telah tamat tempoh 28 hari untuk pematuhan syarat, pemohon boleh mengemukakan permohonan baru (pelan dan dokumen akhir untuk kelulusan) dan fi yang baru dengan menggunakan dokumen 'Self-Regulated' yang terdahulu (sekiranya permohonan masih dalam tempoh 56 hari dari tarikh tamat 28 hari).

...2/-



Bil.(45) dlm MPK/Y:D/T/5-138

Kerjasama dan perhatian dari pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

' KUANTAN INDAH LESTARI '

Saya yang menjalankan amanah

(DATO' HAMDAN BIN HUSSIN, DIMP., SAP., AAP,AMP.)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuantan

afiq/desktop/surat osconline3plus KE PSP fi&permohonanbaru

s.k Setiausaha Bahagian
 Bahagian Kerajaan Tempatan
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
 Wisma Sri Pahang
 25503 Kuantan

Edaran Dalaman :

1. Setiausaha
2. Pengarah Jabatan Landskap
3. Pengarah Jabatan Kejuruteraan
4. Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
5. Fail Timbul

LAMPIRAN